



28 Disember 2012
28 December 2012
P.U. (A) 470

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH GAJI MINIMUM (PINDAAN) 2012

MINIMUM WAGES (AMENDMENT) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA 2011
PERINTAH GAJI MINIMUM (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(2) Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [Akta 732], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2012**.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Gaji Minimum 2012 [P.U. (A) 214/2012], yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

- (a) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang berikut:

"(1A) Walau apa pun subperenggan (1), berhubung dengan majikan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual, Perintah ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

(1B) Tiada apa jua dalam perenggan ini boleh menghalang seseorang majikan daripada membayar kadar gaji minimum yang ditetapkan pada bila-bila masa sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa berhubung dengan majikan itu."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (3) subperenggan yang berikut:

"(4) Bagi maksud subperenggan (1A) dan menurut subseksyen 25(2) Akta, Majlis boleh, mengikut kehendak keadaan,

mengkaji semula tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual bagi mana-mana majikan.”.

Pindaan perenggan 7

3. Subperenggan 7(2) Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “subsubperenggan 2(1)(b)” perkataan “, subperenggan 2(1A),”.

Jadual baru

4. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 7 Jadual yang berikut:

JADUAL

[Subperenggan 2(1A)]

No.	(1) Majikan	(2) Nombor pendaftaran majikan	(3) Tarikh permulaan kuat kuasa
BAHAGIAN A: GOLONGAN MAJIKAN			
1.	Majikan, yang menjadi ahli- (i) Persatuan Hotel Malaysia (MAH); (ii) Persatuan Majikan-Majikan Hotel, Semenanjung Malaysia (AHE); (iii) Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO); atau (iv) Persatuan Hotel Budget Malaysia (MBHA), yang telah melaksanakan sistem caj perkhidmatan, sebelum 1 Disember 2012.	-	1 Oktober 2013
2.	Majikan yang menjadi ahli Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia atau Persatuan <i>Asian Professional Security</i> (APSA) Int. sebelum 1 Disember 2012 berhubung dengan penggajian pengawal keselamatan swasta bagi tujuan pelaksanaan kontrak perkhidmatan keselamatan.	-	1 April 2013